

e-Buletin

EDISI OKTOBER 2024

JSKM

Ts. Dr. Rozita Kadar
Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi.

KELUARAN KE-12

eISSN 2637-0077



9 772637 007004



Sidang Redaksi:

Ketua Editor

Dr. Siti Nurleena Abu Mansor

Editor

Ts. Jamal Othman

Pn. Siti Mariam Saad

En. Ahmad Rashidi Azudin

Terbitan:



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin

Jabatan Sains Komputer dan Matematik

UiTM Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh

Pulau Pinang

ISI KANDUNGAN e-BULETIN

Kata Pengantar Ketua Editor 02

Kata Pengantar Koordinator 03

Pendidik Berwawasan,
Pemimpin Inspirasi 04

Laporan Aktiviti 05

Perkongsian 31

Puisi 59

Uji Minda 64

L'APORAN AKTIVITI



OPEN INTERNATIONAL INNOVATIONS CHALLENGE 2024 (OpIIC2024)

66

Oleh: Siti Nurleena Abu Mansor

Program Open International Innovations Challenge 2024 (OpIIC2024) telah berjaya dilaksanakan pada 5 September 2024 secara atas talian. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Universitas Negeri Semarang (UNNES), Indonesia. Objektif utama program ini adalah untuk menyemai budaya inovasi dalam kalangan ahli akademik, profesional industri, dan pelajar, di samping memupuk budaya rekacipta ke arah komersialisasi. Program ini turut menyokong hasrat kerajaan untuk memperkukuhkan aktiviti inovasi di Malaysia melalui kerjasama antara institusi pengajian tinggi, industri, dan pelbagai sektor pendidikan.

66

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai budaya inovasi di samping memupuk budaya rekacipta ke arah komersialisasi.



OpIIC2024 telah menerima penyertaan seramai 82 kumpulan yang terdiri daripada ahli akademik, profesional, serta pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi dan institut kemahiran. Penyertaan ini melibatkan bidang-bidang seperti kejuruteraan elektrik, mekanikal, dan awam, teknologi makanan, sains kesihatan, teknologi dalam pendidikan, ICT, serta gamifikasi. Semua penyertaan dinilai oleh juri yang berwibawa dari kalangan akademia dan pakar profesional dalam bidang masing-masing. Sesi penjurian berlangsung antara 5 hingga 16 Ogos 2024, dan keputusan pemenang diumumkan pada 5 September 2024.



OPEN INTERNATIONAL INNOVATIONS CHALLENGE 2024 (OpIIC2024)

Selain itu, OpIIC2024 turut menganugerahkan pemenang dalam beberapa kategori utama dan khas. Hadiah utama yang dimenangi adalah 23 emas, 17 perak, dan 24 gangsa bagi setiap kategori mengikut tema pertandingan. Pemenang ini dipilih berdasarkan inovasi terbaik yang menunjukkan impak dalam bidang berkaitan dan berpotensi untuk dikomersialkan. Di samping itu, program ini juga memperkenalkan Anugerah Khas: Emerald Award untuk inovasi yang menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, Ruby Award bagi inovasi yang memberi impak kepada industri dan ekonomi, serta Topaz Award untuk inovasi yang memperbaiki kesejahteraan dan masyarakat. Anugerah khas ini bertujuan mengiktiraf usaha luar biasa peserta dalam menghasilkan projek yang bukan sahaja inovatif tetapi juga berkesan kepada masyarakat dan industri.

Secara keseluruhan, OpIIC2024 berjaya mencapai objektif penganjuran dengan melahirkan inovasi yang berpotensi dikomersialkan. Program ini bukan sahaja memperkukuhkan nama UiTM di peringkat antarabangsa, tetapi juga membangkitkan semangat inovasi dalam kalangan peserta dan mendorong penghasilan produk yang bermutu tinggi. Diharapkan OpIIC2024 dapat menjadi pemangkin kepada lebih banyak projek inovatif di masa hadapan dan menyumbang kepada perkembangan pendidikan, industri, dan masyarakat secara keseluruhan.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 7726 3700 7004